

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH  
[LENGGONG]**

**TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan :-**

- (a) pencapaian Kementerian sehingga sekarang dalam usaha membantu masyarakat kurang berkemampuan; dan
- (b) jumlah penerima pelbagai bantuan Kementerian mengikut negeri dan di Parlimen Lenggong sehingga kini.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited dalam usaha membantu golongan yang kurang berkemampuan. Bantuan yang diberikan tidak hanya tertumpu kepada bantuan kewangan sahaja, tetapi juga meliputi bantuan berbentuk peralatan dan khidmat nasihat / bimbingan agar mereka mampu menjana pendapatan sendiri atau menambah pendapatan isi rumah tanpa bergantung kepada bantuan kewangan semata-mata untuk saraan hidup.

**(i) Bantuan Kewangan**

Berhubung pencapaian Kementerian dalam usaha membantu meringankan beban kewangan masyarakat kurang berkemampuan untuk meneruskan kelangsungan hidup, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyalurkan bantuan kebajikan kepada seramai 473,928 orang penerima yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.353 bilion pada tahun 2011. Pada tahun 2012, JKM menyalurkan

RM1.472 bilion untuk manfaat 514,066 orang penerima dan pada tahun 2013, sebanyak RM1.542 bilion disalurkan untuk manfaat seramai 493,076 orang penerima.

Pada masa yang sama, para penerima bantuan akan diberi peluang untuk mengikuti program tertentu berkonsepkan *productive welfare* supaya mereka dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu hidup berdikari.

**(ii) Program 1AZAM**

Program 1AZAM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 140,976 orang di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 31 Januari 2014. Program ini menyediakan peluang menjana pendapatan dalam bidang perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan kepada rakyat berpendapatan rendah termasuk penerima bantuan JKM yang produktif agar mereka dapat hidup berdikari dan tidak berterusan bergantung kepada pemberian bantuan kebajikan.

**(iii) Bantuan Geran Pelancaran (BGP)**

BGP merupakan bantuan sekali gus (dengan kadar RM2,700) yang diberikan kepada klien JKM yang menerima bantuan kebajikan bagi memulakan projek atau aktiviti ekonomi agar mereka dapat berdikari dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan. Bagi tahun 2010 hingga Disember 2013, seramai 2,994 orang menerima bantuan ini sebagai modal permulaan untuk menjalankan perniagaan berskala kecil, melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM6.4 juta.

**(iv) Bantuan Latihan Perantis (BLP)**

BLP diberikan kepada penerima bantuan JKM atau Ahli Isi Rumah (AIR) klien JKM yang tercicir daripada persekolahan atau menganggur sebagai galakan kepada mereka untuk mengikuti latihan kemahiran jangka pendek atau latihan sambil bekerja (*on-job training*) dengan kadar RM200.00 sebulan. Dari tahun 2010 hingga Disember 2013, seramai 2,937 orang telah menerima BLP dengan implikasi kewangan sebanyak RM7.1 juta.

**(v) Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT)**

Dalam usaha membantu ibu tunggal berdikari dan tidak lagi bergantung kepada bantuan kerajaan, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melaksanakan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) yang bermatlamat untuk membasmi kemiskinan di kalangan ibu tunggal yang berpendapatan di bawah paras garis kemiskinan dengan menyediakan program meningkatkan kemahiran dan pengetahuan terutama dalam bidang keusahawanan. Program I-KIT memberi tumpuan latihan kemahiran dalam bidang jahitan, terapi kecantikan, kraf tangan, asuhan kanak-kanak, pelancongan, pemprosesan makanan dan lain-lain. Sejak program ini mula diperkenalkan pada tahun 2008 hingga 2013, seramai 4,011 orang ibu tunggal telah menyertai program I-KIT di seluruh negara. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan dari tahun 2010 hingga 31 Disember 2013, seramai 2,704 orang ibu tunggal telah berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak 50% daripada pendapatan asal setelah mengikuti program ini.

**(vi) Bazar Wanita 1Malaysia**

Di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) 7: *1Malaysia Women's Initiative for Self-Empowerment (1MWISE)*, Bazar Wanita 1Malaysia telah diwujudkan untuk menyediakan peluang perniagaan kepada usahawan wanita berpendapatan rendah. Inisiatif ini diwujudkan bagi memberi peluang menjana pendapatan di pasar-pasar tani, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh Malaysia.

Bazar Wanita 1Malaysia di Pasar Tani yang pertama dilancarkan pada 14 Disember 2012 dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Hingga Mei 2014, Bazar Wanita telah dilancarkan di Putrajaya, Kelantan, Sabah dan Sarawak dengan jumlah peserta seramai 103 orang.

**(vii) Program SMARTbelanja**

Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) yang telah dijalankan pada tahun 2011 mendapati bahawa Indeks Ekonomi Keluarga berada pada tahap yang paling rendah iaitu

pada 6.9 daripada skala 10. Ini boleh menyumbang kepada krisis rumah tangga jika tidak dibendung. Bagi membantu pasangan yang telah berkahwin, LPPKN telah melaksanakan Program SMARTbelanja@LPPKN sejak tahun 2008 terutamanya kepada golongan kurang berkemampuan. Program ini bertujuan untuk mendidik dan memberi panduan kepada ahli keluarga terutamanya generasi muda mengenai kemahiran pengurusan kewangan keluarga yang baik. Hingga Mac 2014, sebanyak 221 program telah dilaksanakan melibatkan penyertaan seramai 12,375 orang peserta.

**(viii) Kad Skuad Pengguna**

Selain menyediakan bantuan berbentuk program kemahiran kepada masyarakat kurang berkemampuan, Kementerian juga bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk menawarkan Kad Skuad Pengguna. Kad Skuad Pengguna ini membolehkan pengguna menerima potongan harga hingga 50% bagi pembelian barang keperluan di 2,170 premis perniagaan di seluruh negara termasuk Kedai Rakyat 1Malaysia. Inisiatif ini dapat meringankan beban golongan kurang berkemampuan

dalam menjalani kehidupan. Dari tahun 2013 hingga April 2014, seramai 33,236 orang ibu tunggal telah menerima Kad Diskaun ini.

Tuan Yang Dipertua,

- (b) Berhubung jumlah penerima bantuan mengikut negeri pada tahun 2012, seramai 514,066 orang penerima bantuan telah menerima manfaat daripada bantuan kewangan JKM berjumlah RM1.47 bilion. Pada tahun 2013, pula seramai 493,076 orang penerima bantuan telah menerima manfaat daripada bantuan kewangan JKM berjumlah RM1.54 bilion. Perincian mengikut negeri adalah seperti di Lampiran.

Manakala bagi penerima bantuan khususnya Parlimen Lenggong pada tahun 2012, JKM telah menyalurkan sebanyak RM1.619 juta untuk manfaat 661 orang penerima. Pada tahun 2013 pula, JKM menyalurkan RM1.669 juta untuk manfaat 719 orang penerima. Bagi Program 1AZAM pula sehingga 31 Januari 2014 seramai 62 orang telah menyertai program ini. Senarai terperinci jumlah penerima bantuan mengikut kategori adalah seperti di Lampiran.

**LAMPIRAN****Penerima Bantuan JKM Mengikut Negeri  
Bagi Tahun 2012 Hingga 2013**

<b>Negeri</b>	<b>2012</b>		<b>2013</b>	
	<b>Bil. Kes</b>	<b>RM</b>	<b>Bil. Kes</b>	<b>RM</b>
Johor	50,498	149,098,269	49,382	156,044,819
Kedah	44,908	131,177,009	42,046	131,443,178
Kelantan	37,186	103,719,425	38,980	106,895,114
Melaka	28,911	87,317,772	30,195	92,865,737
Negeri Sembilan	28,238	78,305,923	28,094	83,318,390
Pahang	26,148	74,926,830	28,293	92,022,712
Perak	38,328	107,467,528	37,876	114,294,985
Perlis	8,148	15,583,995	9,677	20,834,385
Pulau Pinang	24,190	74,937,021	23,944	77,879,319
Sabah	75,242	233,740,650	61,769	222,326,478
Sarawak	51,157	136,238,610	49,945	148,552,919
Selangor	48,552	140,171,624	41,683	143,868,314
Terengganu	34,380	97,531,495	35,284	101,483,105
W.P. Kuala Lumpur	17,124	39,147,042	14,601	47,047,978
W.P. Labuan	1,056	2,701,660	1,307	3,434,739
<b>Jumlah</b>	<b>514,066</b>	<b>1,472,064,853</b>	<b>493,076</b>	<b>1,542,312,172</b>

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**Penerima Bantuan JKM Parlimen Lenggong  
Bagi Tahun 2012 dan Tahun 2013**

JENIS BANTUAN	2012		2013	
	BIL	RM	BIL	RM
Bantuan Alat Tiruan / Sokongan	2	2,700.00	2	8,000.00
Bantuan Am	374	860,965.00	385	808,915.00
Bantuan Geran Pelancaran (Sekaligus)	2	5,400.00	1	2,700.00
Bantuan Kanak-Kanak	73	225,100.00	78	223,750.00
Bantuan Latihan Perantis	1	2,000.00	2	2,400.00
Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja	70	99,450.00	89	140,550.00
Bantuan Orang Tua	45	142,800.00	48	148,500.00
Bantuan Penjagaan OKU / Pesakit Kronik Terlantar	20	61,800.00	23	58,900.00
Elaun Pekerja Cacat	74	219,200.00	91	276,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>661</b>	<b>1,619,415.00</b>	<b>719</b>	<b>1,669,715</b>

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**Penerima Bantuan Program 1AZAM Parlimen Lenggong  
Bagi hingga 31 Januari 2014**

<b>PAKEJ</b>	<b>BIL. PESERTA</b>
<b>ANGGERIK (PERNIAGAAN KEDAI MAKAN)</b>	<b>1</b>
<b>BUNGA RAYA (PERNIAGAAN GERAI BURGER)</b>	<b>3</b>
<b>CEMPAKA (PERNIAGAAN PEMBUATAN KUIH)</b>	<b>17</b>
<b>KEKWA (PERNIAGAAN SPA SECARA MOBAIL)</b>	<b>2</b>
<b>LILI (JAHITAN)</b>	<b>10</b>
<b>MELUR (MAKANAN SEJUK BEKU)</b>	<b>4</b>
<b>LUAR PAKEJ</b>	<b>25</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>62</b>

Sumber : Unit NKRA, KPWKM